

KENYATAAN PERUNDING BIL. 9/2024

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:

NO. RUJUKAN	BUTIR-BUTIR PELAWAAN DAN HARGA DOKUMEN	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP (12.00 tgh)	SYARAT UTAMA PELAWAAN
2024/G017	Kajian Penilaian Tahap Kualiti Udara di Chan Sow Lin, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2024/G017) Harga Dokumen RM100.00	Berdaftar Dengan KKM : 330207 – Kajian Alam Sekitar	05 Disember 2024 (Khamis)	<ol style="list-style-type: none">1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang yang ditetapkan.2. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah.3. Berdaftar dalam sistem e-perolehan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan tempoh pendaftaran masih sah.

1. Bagi pembelian dokumen pelawaan, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu secara atas talian di laman sesawang eperolehan.dbkl.gov.my. Petender hendaklah memastikan maklumat syarikat lengkap diisi dan sijil pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia beserta Lampiran A yang dimuatnaik di e-perolehan DBKL masih berkuatkuasa semasa permohonan dibuat.
2. Pendaftaran pembekal baharu perunding akan dikenakan caj sebanyak **RM100.00 setahun**. Pembelian dokumen pelawaan boleh dibuat setelah pengesahan pendaftaran dan bayaran pendaftaran pembekal telah dijelaskan. Bayaran pendaftaran pembekal baharu perunding dan penjualan dokumen pelawaan akan dijalankan **secara atas talian** sahaja.
3. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah disediakan sebanyak satu (1) salinan setiap satu dan dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan '**Nama Projek Dan Cadangan Teknikal**' dan '**Nama Projek Dan Cadangan Kos**' di setiap sampul surat berkenaan. Kedua-dua Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos dalam dua sampul berasingan tersebut kemudiannya hendaklah dimasukkan dalam **SATU** sampul berlakri yang dilabel dengan nama projek dan dialamatkan kepada **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur**.
4. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan** seperti alamat di atas tidak lewat dari **jam 12:00 tengahari** pada tarikh tutup iklan. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
5. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
6. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan sistem eperolehan DBKL.

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : **22 November 2024**

Laman Web : www.dbkl.gov.my

<https://eperolehan.dbkl.gov.my/>